



29 AUG, 2025

## Generasi baharu perlu perjuangkan 'merdeka hijau'



Berita Harian, Malaysia

# Generasi baharu perlu perjuangkan 'merdeka hijau'

Oleh Dr Amar Hisham Jaaffar  
[bhrenanca@bh.com.my](mailto:bhrenanca@bh.com.my)



Pensyarah Kanan  
dan Penyelaras  
Program Sarjana  
Pengurusan Tenaga,  
Universiti Tenaga  
Nasional (UNITEN)

Tinggal dua hari lagi sebelum kita menyambut ulang tahun kemerdekaan tanah air, 31 Ogos. Latungan merdeka pasti bergema di seluruh negara yang mengingatkan kita kepada keberanian pejuang bangsa menongkah arus demi kebebasan.

Namun makna merdeka pada abad ini tidak lagi terhenti pada politik dan ekonomi semata-mata. Merdeka juga bererti kebebasan untuk hidup dalam persekitaran bersih, sihat dan lestari.

Hari ini, cabaran alam sekitar kita semakin mendesak. Pencemaran sungai masih menghantui seperti tragedi Sungai Kim Kim di Pasir Gudang yang menjelaskan ribuan pelajar dan keluarga.

Di bandar pula, banjir kilat di Shah Alam, Hulu Langat dan Kuala Lumpur saban tahun terus menjelaskan harta benda rakyat, manakala hutan hujan tropika di Borneo yang menjadi khazanah dunia, berdepan tekanan berterusan akibat pembalakan dan pembangunan tanah.

Indikator hijau turut membunyikan amaran. Menurut Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) 2024, Ma-

laysia mencatat skor 41.0, sedikit meningkat berbanding dekad lalu. Namun, aspek biodiversiti dan ekosistem masih rapuh dengan skor hanya 38.9. Ini mesej jelas kita belum benar-benar merdeka daripada ancaman kerosakan alam sekitar.

Di sinilah semangat kemerdekaan wajar diterjemahkan melalui tindakan hijau luar biasa atau dalam istilah akademik disebut *positive environmental deviance*, ia merujuk kepada keberanian melakukan sesuatu yang melebihli jangkaan, walaupun tidak diwajibkan undang-undang atau dasar rasmi, semata-mata kerana yakin menjaga alam adalah tanggungjawab bersama.

Konsep ini penting kerana ia membuktikan perubahan besar tidak semestinya datang daripada dasar kerajaan semata-mata, tetapi boleh bermula daripada sukarela individu dan komuniti.

Contoh amalan ini jelas di seluruh dunia. Jepun dengan budaya mottainai dan komuniti seperti kamikatsu yang mengasingkan sisa kepada 45 kategori demikian sifar sisa, manakala Jerman (Feldheim, Brandenburg) pula menjadi perintis kampung tengah 100 peratus boleh diperbaharui. Rwanda sejak 2008 mengharlamkan beg plastik dan kini muncul sebagai antara negara terbersih di Afrika.

Di negara ini, tindakan ini boleh bermula dengan perkara 'kecil tetapi berani': Pekerja yang men-

cadangkan bungkusan mesra alam walaupun kos meningkat; komuniti yang menuhubkan sistem kompos sendiri atau pelajar universiti menganjurkan kempen sifar sisa di kampus.

Jika dahulu pejuang kemerdekaan mengorbankan jiwa raga menentang penjajah, hari ini wira hijau berjuang menentang pencemaran, deforestasi dan perubahan iklim. Kedua-duanya lahir daripada cinta tanah air; lait u keberanian menongkah arus demi masa depan Malaysia.

Kemerdekaan sebenarn bukan hanya untuk kita hari ini, tetapi untuk anak cucu yang akan mewarisi bumi ini. Mereka berhak menikmati udara segar, sungai jernih, hutan rimbul dan laut yang kaya kehidupan.

Setiap rakyat boleh menyumbang dengan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, menjimatkan air, menanam pokok atau menyokong tenaga boleh diperbaharui.

Seperti wira dahulu meninggalkan tanah air yang merdeka untuk kita, kini giliran kita memastikan Malaysia kekal hijau untuk generasi akan datang.

Merdeka hijau ialah janji kita - bawaha negara ini terus merdeka dalam erti sebenar: bebas daripada pencemaran dan bencana alam serta menjadi tanah air yang sejahtera, lestari dan berdaulat untuk selama-lamanya.